

Cabaran Memperkuuh Kesepaduan Sosial dalam Masyarakat *Superdiversity* di Malaysia

Lina Mastura Jusoh

e20e034f@siswa.umk.edu.my

Universiti Malaysia Kelantan

Zaleha Embong

zaleha.e@umk.edu.my

Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRAK

Malaysia kini terdiri daripada masyarakat *superdiversity* yang berbeza bahasa, budaya, warna kulit, agama, adat resam dan sebagainya. Justeru, *superdiversity* ini menjadi cabaran kepada masyarakat Malaysia untuk memperkuuhkan kesepaduan sosial yang dikecapi hari ini. Mengurus masyarakat *superdiversity* bukan suatu perkara yang mudah kerana kerana ia memerlukan pelbagai pendekatan dan strategi supaya masyarakat dapat menerima serta membina hubungan bekerjasama. Pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam memantau hubungan masyarakat supaya tidak timbul konflik dan ketegangan. Maka, artikel ini bertujuan mengenal pasti cabaran dalam memperkuuhkan kesepaduan sosial dalam masyarakat *superdiversity*. Artikel ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui kaedah kepustakaan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dan analisis kandungan digunakan bagi tujuan penganalisisan data. Hasil dapatan mendapati cabaran dalam memperkuuh masyarakat *superdiversity* merangkumi aspek etnik, agama, budaya, sosioekonomi, politik dan pendidikan. Pendekatan yang bijaksana dan kerjasama daripada semua pihak diperlukan bagi menghadapi cabaran ini seterusnya mengekalkan kesepaduan sosial.

Kata kunci: Cabaran; Memperkuuh; Kesepaduan Sosial; Masyarakat *Superdiversity*

The Challenge of Strengthening Social Integration in the Superdiversity Society in Malaysia

ABSTRACT

Malaysia now consists of a superdiversity society with different languages, cultures, races, religions, customs, and so on. Thus, this superdiversity is a challenge to Malaysian society to strengthen the social cohesion established today. Managing a superdiversity community is not an easy task because it requires various approaches and strategies so that the community can accept and build collaborative relationships. Various efforts have been implemented by the government in monitoring community relations in order to avoid conflicts and tensions to arise. Thus, this article aims to identify challenges

in strengthening social cohesion in superdiversity societies. This article employs a data collection methods through means of library methods to obtain the required information. For the data analysis, content analysis is used. The findings found that the challenges in strengthening the superdiversity society include ethnic, religious, cultural, socio-economic, political, and educational aspects. A prudent approach and collaboration from all parties are needed to meet these challenges and sustain social cohesion.

Keywords: Challenge; Strengthening; Social Integration; Superdiversity Society

PENGENALAN

Kesepaduan sosial merupakan elemen penting dalam sesebuah masyarakat memastikan sesebuah masyarakat berada dalam keadaan aman dan harmoni. Kebanyakan negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk mengalami konflik akibat perbezaan latar belakang sehingga berlakunya perperangan, diskriminasi, penindasan dan sebagainya. Perpaduan yang didamkan seringkali menjadi sebutan masyarakat Malaysia terutamanya pemimpin-pemimpin negara merupakan matlamat akhir yang perlu melalui proses kesepaduan sosial yang telah wujud dalam kehidupan sehari-hari masyarakat kini (Shamsul Amri, 2011). Kesepaduan sosial yang terbentuk dalam kepelbagaian kaum terjalin melalui kehidupan harian yang telah sebatik sejak sekian lama (Solahuddin Abdul Hamid et al., 2019). Pada mulanya, kepelbagaian sosial dalam masyarakat diurus mengikut pengkategorian ras semata-mata. Namun kini, kepelbagaian turut melibatkan elemen budaya. Kedua-dua aspek ini menjadi dua komponen utama dalam konsep etnik dan etnisiti yang diperkenalkan sebagai menggantikan konsep ras dalam abad ke-20. Kini, kepelbagaian bukan sahaja berlaku di Amerika Syarikat tetapi juga di negara-negara lain akibat daripada globalisasi dan transmigrasi yang pesat. Kesannya, banyak masyarakat yang dahulunya dikatakan bersifat homogenus seperti di Jepun dan Korea yang semakin bersifat heterogenus. Manakala masyarakat yang sememangnya telah mencapai kepelbagaian seperti di United Kingdom dikatakan menjadi semakin kompleks atau dikenali sebagai ‘superdiversity’ (Vertovec, 2007).

Di Malaysia, terdapat beberapa faktor yang menjadi halangan atau berpotensi untuk menjadi penghalang kepada kesepaduan sosial, terutama dalam kalangan golongan belia. Antara faktor yang dilihat berjaya merintangi usaha-usaha ke arah perpaduan rakyat berbilang kaum di negara ini ialah ketidakfahaman sesuatu kaum itu terhadap budaya dan adat resam sesuatu kaum yang lain, proses sosialisasi antara kaum yang terhad, suasana politik dalam negara yang berasaskan kaum, dan cabaran mentaliti (Shaharuddin Badaruddin, Azman Ayob & Mazlan Che Soh, t.t).

Menurut Shamsul Amri (2012), kesepaduan sosial yang dinikmati kini merupakan proses yang panjang dan berterusan sejak kewujudan interaksi antara masyarakat pelbagai etnik di negara ini. Kewujudan kesepaduan sosial merupakan melalui proses *top-down* yang dicetuskan oleh kerajaan seperti penggubalan dasar-dasar negara, pembentukan rancangan jangka pendek dan jangka panjang negara penghasilan simbol-simbol kenegaraan untuk diterapkan dalam masyarakat. Begitu juga dengan proses *bottom-up* yang turut menjadi teras kesepaduan sosial telah diterapkan sekian lama dalam kalangan masyarakat tanpa campur tangan kerajaan seperti gotong-royong, bekerjasama, tolong-menolong dan sebagainya. Keadaan Malaysia yang *stable tension* atau stabil tetapi masih wujud ketegangan memerlukan usaha pelbagai pihak untuk memastikan keadaan aman dan harmoni.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif. Kaedah pengumpulan data diperoleh melalui kaedah kepustakaan. Manakala, kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh. Kajian ini memfokuskan cabaran-cabaran dalam memperkuuh kesepaduan sosial dalam masyarakat *superdiversity* di Malaysia. Cabaran-cabaran yang dilalui dalam masyarakat *superdiversity* di Malaysia dibincangkan daripada aspek cabaran etnik, cabaran agama, cabaran budaya, cabaran sosioekonomi, cabaran politik dan cabaran pendidikan.

MASYARAKAT SUPERDIVERSITY DI MALAYSIA

Pada masa kini, Malaysia berdepan dengan fenomena *superdiversity* yang tidak lagi hanya terikat dengan multi-etnik, multi-agama dan multi-budaya tetapi turut berdepan dengan pelbagai manusia bukan hanya konteks etnik, agama, budaya, malah kepelbagaian daripada aspek gender, populasi orang kurang upaya, orientasi seksual, pekerjaan, politik, pendidikan, sosioekonomi dan sebagainya (Kartini Aboo Talib, 2016). Masyarakat *superdiversity* dan pasca sekular membina dan mentafsir semula nilai, budaya, amalan dan keagamaan untuk menolak autoriti yang mengongkong gender, ekonomi kapitalis dan komplek ketenteraan (Mansor Mohd Nor, 2017).

Masyarakat *superdiversity* kini berada pada tahap luar biasa kesan daripada migrasi manusia dari pelbagai rantau dan pelusuk dunia (Vertovec, 2007). Kebanyakan pendapat menyatakan bahawa kepelbagaian juga menyebabkan wujudnya penghalang kepada perpaduan dan pembentukan bangsa Malaysia (Aszlan Selamat & Mohamad Iszuan Safarudin, 2017).

Maka, cabaran dalam membentuk keharmonian, keamanan dan interaksi positif antara kaum, agama dan budaya memerlukan pendekatan yang berhemah dan penuh rasa hormat. Keadilan, penerimaan dan toleransi perlu menjadi nilai-nilai asas kepada perpaduan nasional ini (Ernizahura, 2020). Hal ini kerana, Islam tidak menentang konsep kepelbagaian budaya malah ajaran Islam seiring dengan konsep kepelbagaian budaya. Islam mengajar tentang kepentingan menghormati dan menghargai perbezaan dalam kalangan manusia (Noraini, Mohd Aderi & Mohd Isa, 2014). Manusia diciptakan secara berbeza dari segi agama, bangsa, bahasa, budaya, adat dan aspek-aspek lain, agar mereka saling mengenali dan saling membantu. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan serta Kami menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku-puak, supaya kamu saling mengenali. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah SWT ialah orang yang bertakwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya”.

(*Al-Hujuraat*, 49:13)

Menurut Hamka (1985), ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT menjadikan manusia berbagai bangsa dan bersuku-puak supaya manusia saling mengenali. Manusia digalakkkan supaya saling mengenali asal-usul, asal nenek moyang, keturunan dan sebagainya. Kemuliaan di sisi Allah SWT adalah kemuliaan hati, budi, akhlak dan ketakwaan kepada Allah SWT. Ayat ini diturunkan bertujuan mengawal perasaan manusia yang menganggap diri mereka lebih baik daripada yang lain. Manakala, Fathi Osman (1997) pula berpandangan bahawa ayat ini menjelaskan atas kepelbagaian supaya

manusia menjauhi konflik dan pengasingan. Malah, kepelbagaian manusia dapat menggalakkan hubungan interaksi, kerjasama dan saling melengkapi.

KONSEP KESEPADUAN SOSIAL

Kesepaduan sosial merupakan elemen penting dalam memastikan sesebuah masyarakat berada dalam keadaan aman dan harmoni. Hal ini merupakan prasyarat kepada keadaan stabil dan tanpa konflik. Justeru, negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom, Perancis dan Australia telah meletakkan kesepaduan sosial sebagai satu polisi penting untuk negara mereka. Perbincangan berkaitan dengan kesepaduan sosial pula bukan merupakan sesuatu yang baharu. Malahan, Bapa Sosiologis seperti Emile Durkheim telah memperkatakan keadaan kesepaduan sosial dalam karya beliau melalui konsep kesepaduan mekanikal dan kesepaduan organik. Kemudian, diteruskan pula oleh tokoh-tokoh selepasnya seperti Ferdinand Tonnies, Robert Redfield, Hillery dan sebagainya. Di Malaysia, Shamsul Amri Baharuddin telah mengetengahkan konsep kesepaduan sosial yang diletakkan sebagai formula penting untuk menguruskan masyarakat majmuk (Mohd Syariehudin Abdullah, Mohd Mahadee Ismail & Mansor Mohd Noor, 2013).

Emile Durkheim (1982) sebagai Bapa Sosiologi melihat, bahawa kesepaduan sosial dalam usaha menilai keupayaan masyarakat untuk kekal berhubung dalam pelbagai peringkat pembangunan. Kesepaduan sosial merupakan perpaduan berbentuk mekanikal (masyarakat pra-industri) kepada perpaduan berbentuk organik yang merujuk kepada dunia moden. Beliau melihat kesepaduan dapat dikekalkan melalui kerajaan dan undang-undang yang dibentuk. Antara konsep yang berkaitan untuk melihat kesepaduan berlawanan dengan konflik adalah konsep solidarisme (kesepaduan), anomie (huru-hara/perpecahan) dan *alienation* (pengasingan) untuk melihat masyarakat yang stabil dan bekerjasama, bukannya berkonflik. Justeru, kesepaduan sosial amat berkait rapat dengan proses pembangunan sesebuah negara.

Max Weber (1949) pula melihat kesepaduan sosial sebagai idea-idea yang kolektif dan merupakan nilai-nilai penting dalam pembangunan sosial. Sementara itu, Talcott Parsons (1965) melihat kesepaduan sosial daripada aspek struktur fungsional, iaitu masyarakat yang berpadu adalah diasaskan dengan sistem nilai yang dikongsi bersama. Antara sarjana terkini yang melihat kesepaduan adalah Judith Maxwell (1996). Beliau melihat kesepaduan sosial dalam dimensi perkembangan ekonomi. Justeru, pada pandangan beliau, kesepaduan sosial adalah proses yang membina dan mengekalkan perasaan kekitaan (*sense of belonging*) dalam masyarakat dan perasaan yang meletakkan diri seseorang dalam sesuatu komuniti. Jika diperhatikan, konsep dan definisi kesepaduan sosial adalah tidak lepas berada dalam komuniti. Nilai yang membentuk kesepaduan sosial adalah perasaan keberadaan dalam komuniti berkenaan. Perasaan kekitaan merupakan asas kepada pembentukan kesepaduan sosial.

Jane Jenson (1998) menyatakan bahawa kesepaduan sosial digunakan untuk menggambarkan proses-proses yang bukan sahaja melibatkan negeri atau negara, tetapi rasa komitmen, tanggungjawab, keinginan serta keupayaan untuk hidup bersama dengan harmoni. Antara tokoh lain yang membincangkan tentang kesepaduan sosial ialah Berger (1998) dan Gough dan Olofsson (1999). Menurut mereka, kesepaduan sosial adalah berkaitan dengan integrasi sosial, kestabilan dan kegagalan integrasi (*disintegration*). Justeru, kesepaduan sosial adalah berkaitan dengan keadaan dan berintegrasi.

CABARAN MEMPERKUKUH KESEPADUAN SOSIAL DALAM MASYARAKAT SUPERDIVERSITY

Mengekalkan kesepaduan sosial merupakan salah satu daripada cabaran terbesar yang perlu diuruskan oleh Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat *superdiversity*. Terdapat beberapa cabaran utama yang dihadapi dalam memperkuuh kesepaduan sosial dalam masyarakat *superdiversity*. Cabaran ini wujud dalam pelbagai bentuk, antaranya:

Cabaran Kepelbagaian Etnik

Etnik ditakrifkan oleh Wan Hashim (2014) sebagai sekumpulan manusia yang telah membentuk satu jati diri berasaskan persamaan latar belakang sejarah, budaya, bahasa dan adat resam. Manakala Wan Norhasniah (2012) mentakrifkan etnik sebagai satu komuniti manusia yang mempunyai tanggapan diri yang sama terhadap satu tradisi yang mencakupi agama, bahasa, adat resam dan sistem nilai yang merangkumi budaya etnik serta mempunyai kesinambungan dari segi sejarah, keturunan atau wilayah asal.

Selain etnik terbesar Melayu, Cina dan India, Malaysia juga terdiri daripada pelbagai kaum lain seperti Orang Asli, Iban, Bidayuh, Kadazan, Dusun serta suku bumiputera lainnya yang mendiami Sabah dan Sarawak (Abdul Rahman Embong, 2015). Walaupun kelihatan nyata adalah tiga komuniti etnik utama iaitu Melayu, Cina dan India, tetapi hakikatnya terdapat banyak terdapat lebih kurang 200 suku kaum (Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee, 2007).

Kaum tersebut hidup dalam kelompok komuniti masing-masing berasaskan pegangan agama, budaya dan bahasa yang berbeza. Masyarakat majmuk di Tanah Melayu terbentuk daripada kedatangan kaum Cina dan India pada abad ke-19 dan awal abad ke -20 hasil galakan daripada penjajahan British. Hal ini berlaku bagi memenuhi keperluan ekonomi British di Tanah Melayu. Kemudian, komuniti Cina dan India berkembang sehingga mengubah komposisi penduduk, seterusnya melahirkan masyarakat majmuk di Tanah Melayu (Ling, 2017).

Salah satu daripada bentuk rintangan ke arah perpaduan kaum di Malaysia ini ialah rintangan mentaliti. Persepsi suatu kaum yang tidak tepat atau salah terhadap satu kaum yang lain boleh menjelaskan hubungan dan perpaduan antara kaum. Persepsi tidak tepat atau salah yang terbina di dalam minda dan jiwa satu kaum itu terhadap satu kaum yang lain akan diterjemahkan pula melalui tindakan atau tingkah laku. Jika persepsi ini tidak ditangani, konflik antara kaum boleh berlaku seterusnya membawa kepada masalah yang lebih besar. Antara rintangan mentaliti yang didapati wujud di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini ialah stereotaip, prasangka (prejudis), diskriminasi dan etnosentrisme. Kebiasaannya, rintangan mentaliti ini bermula di peringkat individu dan saling berkaitan antara satu sama lain. Apabila ramai individu dalam satu kelompok kaum itu berfikiran atau beranggapan sama (sama ada tanggapan atau pemikiran itu benar atau sebaliknya) maka, hal ini akan bertukar menjadi prasangka (prejudis), seterusnya menjadi diskriminasi dan merebak menjadi etnosentrisme (Shaharuddin Badaruddin, Azman Ayob & Mazlan Che Soh, t.t).

Pola hubungan etnik di Malaysia sejak tahun 1946 hingga kini memperlihatkan pola turun naik. Tidak dinafikan bahawa sekali sekala ada tercetusnya konflik dan pertelagahan, namun keadaan di Malaysia masih aman damai dengan hubungan etnik yang harmoni (Shamsul Amri, 2012). Melalui kepelbagaian, Malaysia masih mampu mengekalkan keamanan negara. Hal ini bererti, walaupun hidup dalam suasana perbezaan yang sangat ketara namun kerana kemajuan pentadbiran negara serta toleransi masyarakat menjadikan perpaduan dalam kepelbagaian ini dapat nikmati oleh semua

pihak. Tidak dinafikan bahawa wujud konflik dalam interaksi, walaubagaimanapun peratusan konflik adalah sangat kecil dan ini membolehkan Malaysia diiktiraf sebagai sebuah negara yang teraman dan stabil di dunia (Solahuddin Abdul Hamid et al., 2019). Justeru, isu-isu yang berkenaan hubungan etnik adalah penting untuk difahami demi membina kesejahteraan hidup yang harmoni (Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee, 2007).

Cabaran Kepelbagaian Agama

Setiap agama yang wujud di atas muka bumi ini samada bersifat agama samawi (agama yang datang berasaskan wahyu dari Tuhan) dan agama budaya (agama yang lahir daripada pengalaman tokoh dan kehidupan) kesemua menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkar (Ahmad Bashir Aziz, 2004). Antara agama dan kepercayaan di Malaysia ialah Islam, Buddha, Kristian, Hindu, Tao, Sikh, Bahai, kepercayaan tradisional dan lain-lain (Azizan Baharuddin et al., 2014).

Kepelbagaian agama merupakan ciri-ciri masyarakat masa kini dan boleh dikatakan tidak ada negara yang bersifat *homogenous* akibat sikap manusia yang bermigrasi sehingga membentuk sebuah negara bangsa yang berbeza latar belakang sosial. Kesepaduan sosial dalam konteks hubungan antara agama merupakan agenda penting kerana negara masih berdepan dengan beberapa isu yang menuntut kematangan dan kesediaan bertoleransi sebagai jalan penyelesaian bagi menyuburkan semangat kesepadan (Suraya Sintang, Budi Onto, Nur Farhana, Siti Aidah & Halina Sendera, 2019). Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Allah SWT tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang yang tidak memerangi kamu kerana agamamu, dan tidak mengusir kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah SWT mengasihi orang yang berlaku adil”.

(Al-Mumtahanah: 8)

Menurut Hamka (1985) ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT tidak melarang umat Islam berbuat baik, bergaul, bersikap adil dan jujur terhadap golongan lain sama ada Yahudi, Nasrani atau musyrik. Hal ini selagi mereka tidak memerangi dan mengusir umat Islam dari kampung halaman.

Toleransi beragama yang diamalkan di Malaysia adalah bersandarkan kepada Artikel 11(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia iaitu “tiap-tiap orang adalah berhak untuk menganuti dan mengamalkan agamanya tertakluk kepada Fasal (4), 16 mengembangkan agamanya”. Berdasarkan perlembagaan tersebut, Azizan Baharuddin et al. (2014) menjelaskan bahawa umat Islam dan penganut-penganut agama lain bebas untuk mengikut dan mengamalkan ajaran agama masing-masing dengan tertakluk kepada syarat bahawa tidak boleh melakukan sebarang bentuk tindakan penyebaran mana-mana ajaran agama terhadap umat Islam.

Cabaran kian melebar sekiranya tiada usaha konkret diambil bagi memastikan kefahaman terhadap budaya kaum lain diambil dengan segera, dikhuatiri ia bakal menghalang kejayaan konsep kesepaduan sosial dalam kepelbagaian masyarakat di Malaysia. Sebagai contoh, masyarakat bukan Islam mungkin mempersoalkan laungan azan dikumandangkan di corong-corong pembesar suara di masjid-masjid dan surau-surau, sehingga menimbulkan tanggapan ekstrem. Laungan azan dianggap suatu bentuk pencemaran bunyi serta mengganggu keselesaan dan ketenteraman masyarakat bukan Islam yang tinggal berhampiran masjid dan surau dalam kawasan perumahan. Manakala kaum bukan penganut agama Hindu pula merungut bahawa setiap kali penganut Hindu menuaikan ibadat mereka sempena perayaan Thaipusam, harga buah kelapa akan naik mendadak, terutamanya di sekitar Batu

Caves. Hal ini disebabkan oleh penganut Hindu yang menjalankan upacara memecahkan buah kelapa, bukan sebiji dua, bahkan beratus-ratus biji. Peningkatan mendadak harga buah kelapa ketika perayaan Thaipusam ini dianggap telah menyusahkan kaum lain. Begitu juga kaum lain selain daripada kaum Cina yang menganggap perayaan Qing Ming itu suatu pencemaran alam sekitar. Ketika perayaan itu dilangsungkan, kaum Cina yang menyambutnya akan membakar ribuan kertas ‘wang neraka’ dan replika pelbagai barang seperti kereta, rumah, dan lain-lain yang diperbuat daripada kertas sempena memperingati saudara-mara, kaum-kerabat serta nenek-moyang mereka yang telah meninggal dunia. Maka, kemungkinan timbul sebarang rungutan bahawa pembakaran kertas-kertas tersebut menyebabkan pencemaran alam sekitar (Shaharuddin Badaruddin, Azman Ayob & Mazlan Che Soh, t.t).

Konflik tersebut akan timbul jika masyarakat saling tidak memahami maksud simbolik budaya dan adat resam sesuatu kaum itu. Masyarakat hanya sekadar mengetahui, tetapi tidak berusaha untuk memahami dengan lebih mendalam amalan budaya dan adat resam kaum-kaum di Malaysia (Shaharuddin Badaruddin, Azman Ayob & Mazlan Che Soh, t.t). Secara umum, agama merupakan unsur penting dalam kehidupan seharian manusia di muka bumi ini kerana ia melibatkan aspek kepercayaan yang akan membentuk cara hidup manusia secara keseluruhannya. Agama turut berperanan sebagai pendorong kepada manusia untuk melakukan kebaikan (Norafifah, 2014).

Cabaran Kepelbagaian Budaya

Malaysia merupakan model integrasi dan plural dalam membina perpaduan. Pluraliti budaya bermaksud setiap komuniti etnik dibenarkan untuk mengamalkan cara hidup dan budaya masing-masing. Dalam pembentukan sebuah bangsa bagi sebuah negara, pluraliti budaya bermaksud pengiktirafan negara terhadap cara hidup dan budaya kaum-kaum yang terdapat di dalam pemerintahannya. Kepelbagaian budaya bermakna perbezaan aspek budaya hidup seperti makanan, sosialisasi keluarga, amalan agama dan pembentukan organisasi sosial untuk menjaga kepentingan kaum masing-masing (Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz, Mohamad Ainuddin Iskandar Lee, 2007).

Setiap masyarakat mempunyai kepercayaan dan pantang larang tersendiri yang berkait rapat dengan tradisi dan pegangan agama masing-masing. Setiap budaya ada perbezaan dan ciri-ciri yang tersendiri dan kadangkala bersifat kontradik antara satu masyarakat dengan yang lain. Sebagai masyarakat yang berbilang kaum, agama serta budaya, isu-isu sensitif yang timbul dalam masyarakat perlu ditangani dengan sewajarnya. Keadaan ini tidak wajar dibiarkan berlanjutan kerana dapat menjelaskan keharmonian masyarakat majmuk (Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz, Mohamad Ainuddin Iskandar Lee, 2007).

Menurut Ismail Yusoff (2001), di dalam budaya terdapat unsur-unsur yang tidak terbatas bilangannya, sama ada yang bersifat budaya sejagat atau budaya setempat. Unsur-unsur ini dipacu oleh pelbagai faktor, seperti persekitaran, ekonomi, kepimpinan, penemuan berasaskan sains dan teknologi dan sebagainya.

Cabaran Sosioekonomi

Perbahasan mengenai keadilan sosial dari aspek ekonomi telah perlihatkan semula bibit-bibit keretakan yang memisahkan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Adalah penting untuk kita mempersoalkan keberkesanan dalam melangsungkan pendekatan berunsur etnik ini di dalam ekonomi

kita, dalam memenuhi keperluan setiap kaum Siti Noor Atikah Mohd Shamsuddin, Ahmad Sunawari Long & Yusri Mohamad Ramli (2021).

Menurut Chandra Muzaffar (2012) terdapat jurang pendapatan dan perbezaan gaya hidup antara masyarakat atas dan bawah dalam kelompok Bumiputra adalah lebih jelas sekarang berbanding 15 tahun yang lepas. Walaupun angka ketidakseimbangan pendapatan bagi satu kaum kini tidak mudah diperoleh. Pendekatan untuk memperbaiki ekonomi mengikut kaum tanpa mengambil kira kedudukan masyarakat dalam strata atas atau strata bawah, tidak boleh mengatasi masalah ekonomi masyarakat Bumiputra.

Sejak awal 1970an, Malaysia telah menyaksikan pelancaran ekonomi baharu yang mempunyai dua matlamat utama iaitu menghapuskan kemiskinan dan menyusun kembali masyarakat Malaysia yang pelbagai. Dalam menangani masalah kemiskinan, kerajaan telah berusaha menambah baik peluang pekerjaan untuk rakyat terutamanya dengan memajukan bidang perindustrian. Di samping itu, pembangunan kawasan desa diperhebatkan. Untuk menjayakan usaha ini pelbagai projek dijalankan seperti mengadakan rancangan pendidikan dan latihan yang lebih berkesan. Penyusunan kembali masyarakat pada dasarnya bererti melipatgandakan keterlibatan orang Melayu dalam sektor perindustrian dan perdagangan supaya lama kelamaan pekerjaan bagi semua kaum dapat mencerminkan perseimbangan dalam kaum-kaum di Malaysia (Khoo Kay Kim 1984). Maka, Syed Husin Ali (2015) berpendapat bahawa sistem ekonomi perlu diberi penilitian tersusun bagi supaya tidak beraku pemisahan yang berlaku dalam masyarakat kepelbagaian.

Cabaran Politik

Malaysia merupakan negara yang aman dan stabil dari segi politik yang telah mencapai kemerdekaan serta menjadi sebuah negara berdaulat pada 31 Ogos 1957 daripada British. Malaysia merupakan negara yang terdiri daripada pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India yang merupakan kaum utama serta beberapa kaum minoriti yang lain. Sebagai antara negara yang stabil dari segi politik, Malaysia tidak pernah mengalami sebarang insiden yang serius kecuali pada tahun 1969, yang membawa Malaysia ke dalam landskap politik yang berbeza. Pada tahun tersebut, rusuhan kaum yang terburuk melanda negara merupakan titik permulaan kepada perubahan politik negara. Namun, mutakhir ini, senario politik semasa turut berubah. Semenjak Pilihanraya Umum (PRU) 2008, senario politik menunjukkan perubahan dan ia dapat dilihat melalui pilihan raya yang diadakan (Marshelayanti Mohamad Razali & Wan Asna Wan Mohd Nor, 2020).

Marshelayanti Mohamad Razali dan Wan Asna Wan Mohd Nor (2020) turut menyatakan bahawa parti-parti politik di Malaysia pula cenderung mengikut etnik masing-masing. Sebagai contoh, *United Malays National Organization* (UMNO), Parti Islam Se-Malaya (PAS), *Malayan Chinese Association* (MCA), *Democratic Action Party* (DAP), dan *Malayan Indian Congress* (MIC). Sebahagian besar orang Melayu menyokong UMNO dan PAS, kaum Cina menyokong MCA dan DAP, manakala kaum India menyokong MIC. Sokongan-sokongan ini datang daripada kumpulan etnik yang sama sejak partiparti politik tersebut ditubuhkan. Ini kerana antara tujuan awal parti tersebut dibentuk adalah untuk memperjuangkan kepentingan etnik masing-masing. Walaupun berbeza latar belakang dan budaya, kaum dan etnik yang berbeza ini masih boleh hidup aman damai dan dalam keadaan harmoni. Walau bagaimanapun, adalah sukar bagi kerajaan untuk mengekalkan kemakmuran ini sekiranya tiada kesepadan di antara semua pihak. Dari aspek politik, Malaysia mengamalkan pilihan raya dalam keseluruhan sistem politiknya, dan ini merupakan antara ciri-ciri keunikan negara ini.

Budaya politik dapat didefinisikan sebagai pola berfikir, sikap dan tindakan individu atau sesebuah masyarakat dalam menyatakan sokongannya terhadap ahli politik atau parti politik. Budaya politik mengutamakan aspek sikap, sistem kepercayaan, simbol yang dimiliki oleh individu dan berlangsung dalam seluruh masyarakat lalu mempengaruhi matlamat politik. Secara tidak langsung mempengaruhi pembangunan politik di sesebuah negara yang dibatasi oleh dimensi ‘ruang’ dan ‘waktu’ disebabkan terhasil melalui interaksi antara sistem politik dengan dunia luar yang mencakupi persekitaran masyarakat mengikut perkembangan zaman. Keadaan ini bersangkutan dengan kepentingan masyarakat dan bukan bersifat kepentingan peribadi iaitu sentimen primodial dan kesedaran politik. Perkara tersebut tidak asing lagi kerana budaya politik dalam sesebuah masyarakat dipengaruhi oleh persoalan agama, identiti etnik dan ruang wilayah yang dianggap sebagai sentimen primodial dan mendahului pemikiran serta aspirasi politik mereka (Eko Prayitno Joko, Zaini Othman, Saat Awg Damit & Aliakbar Gulasan, 2018).

Cabaran Pendidikan

Aspek pendidikan sentiasa diberi penekanan memandangkan pendidikan mampu mengubah taraf hidup sesebuah masyarakat itu. Pendidikan seawal peringkat pra sekolah sehingga ke peringkat tertinggi bertindak sebagai asas bagi mempercepatkan proses kemajuan dalam menyediakan akses dan mempertingkatkan kualiti pendidikan dalam negara (Abd Rahim Abd Rashid, (2002). Banks (1993) menegaskan bahawa peningkatan kepelbagaiannya di sekolah menyebabkan guru perlu membangunkan sikap, pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan supaya mereka boleh berinteraksi dan bekerja dengan berkesan bersama pelajar yang terdiri daripada pelbagai budaya, bahasa, dan etnik.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, aspek kebudayaan masyarakat perlu dititikberatkan kerana secara realitinya pelajar terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya (Noraini, Mohd Aderi & Mohd Isa, 2014). Oleh sebab itu, sistem persekolahan di Malaysia terbahagi kepada tiga jenis aliran iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) rendah dan menengah, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SKJT). Ketiga-tiga jenis sekolah ini menggunakan bahasa pengantar yang berbeza. SK menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, manakala SJKC dan SKJT menggunakan bahasa pengantar Cina dan Tamil. *Trend* ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah telah menunjukkan satu pembahagian yang ketara. Majoriti ibu bapa Melayu menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Kebangsaan, manakala ibu bapa Cina dan India pula menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Alasan utama para ibu bapa ini adalah kerana faktor bahasa pengantar yang digunakan. Ibu bapa di kalangan kaum Cina dan India pula tidak menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Kebangsaan dengan alasan tidak mahu anak-anak mereka menjadi Melayu (kerana majoriti anak-anak Melayu bersekolah di Sekolah Kebangsaan) dan tidak lagi pandai menggunakan bahasa ibunda mereka (Shaharuddin Badaruddin, Azman Ayob & Mazlan Che Soh, t.t).

Walaupun kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha sosial seperti penggubalan Dasar Pelajaran Kebangsaan dengan memasukkan penggunaan bahasa Mandarin dan Tamil di Sekolah Kebangsaan sebagai mata pelajaran elektif, namun usaha ini masih belum menarik perhatian ibu bapa kaum Cina dan India untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut. Maka, bagi melahirkan rakyat Malaysia yang bersatu padu dan cintakan negara, Sekolah Wawasan telah dicadangkan dan diusahakan oleh pihak kerajaan. Sekolah Wawasan merupakan kelompok Sekolah Kebangsaan, Sekolah rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah rendah Jenis Kebangsaan Tamil diletakkan dalam satu kawasan sekolah yang sama. Struktur organisasi dan pentadbiran sekolah-sekolah ini tidak berubah. Perkara yang membezakannya ialah sekolah-sekolah ini tidak lagi terletak berasingan, tetapi

diletakkan dalam satu kawasan yang sama. Konsep Sekolah Wawasan ini merupakan suatu konsep terbaik sebagai usaha kerajaan dalam mengintegrasikan rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini. Hal ini dapat merapatkan lagi jurang pemisahan etnik yang wujud di kalangan rakyat Malaysia. Proses integrasi dan asimilasi dapat berjalan dengan lancar, lantas melahirkan sebuah masyarakat berbilang kaum yang bersatu padu (Shaharuddin Badaruddin, Azman Ayob & Mazlan Che Soh, t.t).

Selain itu, Pembelajaran Abad Ke-21 dalam kepelbagaian budaya adalah untuk mewujudkan perpaduan antara pelbagai kaum dan etnik di Malaysia agar dapat menghapuskan prasangka dan stereotaip kaum bagi usaha memupuk sikap positif dan timbul rasa hormat terhadap perbezaan etnik, bangsa, budaya (Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Husin, 2017).

KESIMPULAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik dengan kewujudan pelbagai etnik, agama, budaya, sosioekonomi, politik dan pendidikan. Aplikasi dan penghayatan nilai murni bukan sahaja diamalkan oleh masyarakat Islam bahkan turut diamalkan oleh kaum dan etnik lain. Suatu usaha perlu digembangkan bagi memastikan perpaduan antara seluruh rakyat Malaysia tercapai. Soal perpaduan dan permuafakatan sangat penting dalam sebuah negara yang majmuk kerana perpaduan itu menjadi tunggak kepada kemajuan serta kestabilan etnik, agama, budaya, sosioekonomi, politik dan pendidikan. Berdasarkan cabaran-cabaran di atas, usaha menyatu-padukan rakyat Malaysia berbilang kaum bukan suatu perkara yang mudah. Cabaran tersebut memerlukan usaha dan tenaga daripada segenap lapisan masyarakat Malaysia. Paling penting ialah setiap rakyat Malaysia tidak mengira keturunan atau kedudukan sama ada penyokong kerajaan atau pembangkang seharusnya jujur dan ikhlas dalam berusaha mencapai perpaduan kaum di negara ini.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Husin (2017). Pendidikan Abad Ke-21 Dalam Kepelbagaian Budaya: Cabaran dan Harapan. *ResearchGate*.
- Abd Rahim Abd Rashid (2001). *Nilai-Nilai Murni Dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Embong (2015). *Negara-bangsa: Proses dan Perbahasan, Edisi Kedua*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Bashir Aziz (2004). *Nilai dan Etika Pengurusan: Analisa Dari Perspektif Agama-Agama di Malaysia*. Universiti Utara Malaysia.
- Azizan Baharuddin et al., (2014). *Kajian Isu dan Cabaran Hubungan Antara Penganut Agama di Malaysia*. Laporan Penyelidikan. Universiti Putra Malaysia.
- Azslan Selamat & Mohamad Iszuan Safarudin (2017). Penilaian Faktor-Faktor Kesenjangan Etnik di Malaysia Sebagai Penghalang Perpaduan Nasional. *ResearchGate*.
- Banks, J. A. (1993). *An Introduction to Multiculture Education*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Berger, P. L. (1998). *The Limits of Social Cohesion: Conflict and Mediation in Pluralist Societies*. Bouklder: Westview Press.
- Chandra Muzaffar (2012). *Perjalanan Ke Arah Satu Malaysia*. Kuala Lumpur: ZubedyIdeahouse Sdn. Bhd.

Durkheim, E. (1982). *The Rules of Sociological Methods.* (Terj. Halls, W. D.). New York: The Free Press.

Eko Prayitno Joko, Zaini Othman, Saat Awg Damit & Aliakbar Gulasan (2018). Sentimen Primordial dan Kesedaran Politik dalam Pembangunan Politik Sabah: Penelitian Terhadap Pru-14. *Primordial Sentiment and Political Awareness In Sabah Political Development: A Research In The GE-14. Jurnal Kinabalu Edisi Khas*, 77-110.

Ernizahura Abdul Aziz (2020). Toleransi Berprinsip Menurut Kerangka Maqasid Shari'ah Dalam Interaksi Masyarakat Pelbagai Kaum Dan Agama Di Malaysia. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(4), 19-26.

Fathi Osman (1997). *Concepts of The Quran: A Topical Reading.* Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Hamka (Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah) (1985). *Tafsir Al-Azhar Juzu'* 24-25-26-27. Jakarta: Pustaka Panjimas.

Ling, H. H (2017). Masyarakat Majmuk di Tanah Melayu dan Usaha Ke Arah Memupuk Kerjasama Antara Kaum, 1946-1957. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 17(17).

Gough, I & Olofsson, G. (1999). *Capitalism and Social Cohesion: Essays On Exclusion and Integration.* Basing:Macmillan.

Jenson, J. (1998). *Mapping Social Cohesion: The State of Canadian Research.* 109–28. Family Network, CPRN.

Kartini Aboo Talib (2016). Konsep, Dasar dan Perlaksanaan Bandar Sejahtera Dengan Rujukan Khas Kepada Malaysia. *GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space*, 12(7), 26 – 33.

Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz, Mohamad Ainuddin Iskandar Lee (2007). *Hubungan Etnik di Malaysia.* Selangor: Prentice Hall, Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Mohd. Syariehudin A., Mohd Mahadee I. & Mansor M. N. (2013). Kesepaduan Sosial Dan Kejiraninan Di Kawasan Rukun Tetangga, *Jurnal Kinabalu*, 19, 53-75

Norafifah Ab.Hamid (2014). Prinsip Islam Dan Nilai-Nilai Kemanusiaan. In Mohd Faizal P.Rameli (ed.). *Islam & Hubungan Etnik: Sorotan Sejarah & Isu Kontemporari Di Malaysia.* Melaka: Academy Of Contemporary Islamic Studies, UiTM Melaka, (pp. 245-268).

Noraini Omar, Mohd Aderi Che Noh & Mohd Isa Hamzah (2014). Kepelbagai Elemen Budaya Dalam Pengajaran Pendidikan Islam: Isu dan Kepentingan. *The Online Journal of Islamic Education*, 4, Special Issue of ICIEd2014.

Parsons, T. (1965). Unity and Diversity in the Modern Intellectual Disciplines: The Role of the Social Sciences. *Deadalus*, 94(1), 39-65.

Siti Noor Atikah Mohd Shamsuddin, Ahmad Sunawari Long & Yusri Mohamad Ramli (2021). Wacana Isu-isu Keadilan Sosial dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(2), 151-161.

Solahuddin Abdul Hamid, Mohd Nizho Abdul Rahman, Syed Sultan Bee Packeer Mohamed, Muhamad Amar Mahmad, Khairiah Mohd Yassin, Suhanim Abdullah, Syahrul Faizaz Abdulllah, Muhammad Ahmad, Azman Md Zain, Rafidah Mohamad Cusairi, Mohamad Faizal Abd Matalib (2019). *Hubungan Etnik.* Universiti Utara Malaysia. UUM Press.

Suraya Sintang, Budi Onto Mohd Tamring, Nur Farhana Abdul Rahman, Siti Aidah Lukin & Halina Sendera Mohd Yakin (2019). Kesepaduan Sosial Dalam Hubungan Antara Agama di Pedalaman Sabah. *Borneo International Journal eISSN 2636-9826.* 2(1), 5-15.

- Shaharuddin Badaruddin, Azman Ayob & Mazlan Che Soh (t.t). Belia dan 1Malaysia: Antara Cabaran dan Harapan. *Malaysian Journal of Youth Studies*. Edisi Khas Belia & 1Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin (2011). *Kesepadan dalam Kepelbagaian. Perpaduan di Malaysia Sebagai Work-In-Progress*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin (Ed.) (2012). *Modul Hubungan Etnik Edisi Kedua*. Bangi: Institut Kajian Etnik, UKM.
- Syed Husin Ali. (2015). *Hubungan Etnik di Malaysia: Harmoni dan Konflik*. Petaling Jaya: SIRD.
- Vertovec, S. (2007). Super-diversity and Its Implications. *Ethnic and Racial Studies*, 30(6).
- Wan Hashim (2014). *Hubungan Etnik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2014) hlm. xvii. 2.
- Wan Norhasniah Wan Husin (2012). *Peradaban dan Perkauman di Malaysia. Hubungan Etnik Melayu-Cina*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Weber, M. (1949). *On the Methodology of The Social Sciences*. United States of America: The Free Press.

Penulis

Lina Mastura Jusoh ialah pelajar Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Falsafah dan Pembangunan Kemasyarakatan di Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI), Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Zaleha Embong ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Sains Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI), Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Bidang kepakaran beliau ialah Konflik dan Pendamaian, Pengurusan Masyarakat Majmuk serta Pembangunan Komuniti.